

25 SEP 1998

Zaharah-Wanita

NALURI KEIBUAN BOLEH BANTU ATASI MASALAH PARTI

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Ketua Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman hari ini meminta seluruh anggota pergerakan itu supaya kembali merujuk kepada naluri keibuan mereka dalam menghadapi masalah yang kini dihadapi oleh parti itu.

"Atas nama perpaduan parti dan dalam menghadapi saat-saat genting ini, wanita sebagai ibu harus menjadi pengimbang dan pembawa kestabilan," kata beliau, merujuk kepada pemecatan bekas Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada parti 3 Sept lepas.

Beliau berucap pada majlis sambutan Hari Wanita anjuran Wanita Umno yang dihadiri kira-kira 1,000 anggota pergerakan itu. Ia dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika bercakap pada persidangan media kemudian, Zaharah berkata Wanita Umno akan terus memberi penerangan kepada anggota pada peringkat akar umbi agar mereka memahami apa sebenarnya yang berlaku.

"Kita akan terus memberi penjelasan terbaik supaya mereka dapat menerima maklumat dengan betul sebab yang tidak tahu itu mudah diselewangkan oleh elemen yang boleh merumitkan lagi keadaan," katanya.

Anwar, yang dikaitkan dengan salahlaku moral, dilucutkan daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 Sept.

Zaharah, yang juga Timbalan Menteri Kesihatan, turut memberi penjelasan dalam ucapannya sebelum itu mengenai cadangan pergerakan itu memohon tambahan bilangan anggota perwakilan ke perhimpunan agung Wanita Umno.

Katanya, Presiden parti telah bersetuju pada dasarnya supaya anggota perwakilan wanita dari setiap bahagian ditambah daripada lima kepada 10 orang.

"Ini merupakan bonus khas daripada Dr Mahathir yang menghargai sumbangan kita selama ini," katanya.

-- BERNAMA

NZ NMO